



Diterbitkan sejak 1932

ماجوتن

MAJUTAN

Edisi Sept-Dis 2017

Untuk Kakitangan Jabatan Perhutanan

www.forestry.gov.my



Majlis Mesra

Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia

bersama warga Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (ms27)

Majlis Sambutan

Hari Hutan Antarabangsa dan Hari Konservasi
Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa
Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 (ms27)

Program Restorasi, Tebus Guna
dan Pemulihian Hutan Terosot

serta Lawatan ke Pokok Chengal Besar

Sempena Persidangan Pengarah-Pengarah
Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia (ms27)



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT	YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia
PENGERUSI	YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan (Dasar dan Perancangan)
KETUA PENGARANG	Puan Shashiah binti Abdul Karim Pengarah Kanan Bahagian Perancangan dan Ekonomi Hutan



DARI MEJA KETUA PENGARANG

Dari Meja Ketua Pengarang
Assalamualaikum
Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera,
Salam 1Malaysia dan
Salam Negaraku Alam Sekitarku.

JAWATAN KUASA MAJUTAN

Mohd Rahim bin Rani	PENGARANG
Othman bin Deris	PENOLONG PENGARANG I
Suhana binti Bebakar	KONSEP DAN REKA BENTUK I
Kamal Kusyairi bin Abd Ghan	PERCETAKAN DAN EDARAN II
Asiah binti Yaacob	PENOLONG PENGARANG II
Ismail Ali bin Kamarudeen	KONSEP DAN REKA BENTUK II
Rajihan bin Rahim	PERCETAKAN DAN EDARAN I

WAKIL JABATAN PERHUTANAN NEGERI

Azuan bin Mohd Sukri JOHOR	Siti Sarah binti Shaharuddin KEDAH	Nur Ain binti Mustapa KELANTAN
Noor Syuhada binti Abdul Samad MELAKA	Nur' Ain binti Chek Mustafa PERAK	Shamsul Izham bin Rusli PULAU PINANG
Nor Wahidah binti Amran SELANGOR	Siti Norhayati binti Mastar NEGERI SEMBILAN	Bahren Zuhaily bin Abdul Rahim PAHANG
Affeebah Amanee binti Che Ahamed TERENGGANU		Ag. Shaffie bin Ag. Ahmadni WILAYAH PERSEKUTUAN

WAKIL BAHAGIAN DAN UNIT IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA

PERANCANGAN DAN EKONOMI HUTAN	KHIDMAT PENGURUSAN
Che Rosmi bin Che Ali	Hamidi bin Abd. Halim
PENGURUSAN HUTAN	PENGURUSAN MAKLUMAT
Kadri bin Shaari	Noorazila binti Yatim
SILVIKULTUR DAN PEMELIHARAAN	TEKNIKAL DAN INDUSTRI KAYU
BIOLOGI HUTAN	Zulazfar Husaini bin Abdullah Sani
Mohd Saman bin Sangat	PERUNDANGAN DAN PENDAKWAAN
LADANG HUTAN DAN PERLINDUNGAN	Zulkurnain bin Zakaria
HUTAN	FOREST ECO-PARK DAN HUTAN TAMAN NEGERI
Sharifah Amira binti Salim	Muhammad Firdaus bin Khadlan
HAL EHWAL ANTARABANGSA	KOMUNIKASI KORPORAT DAN
Nora Azlina binti Musa	PERHUBUNGAN AWAM
LATIHAN PERHUTANAN	Nor Hidayu binti Abd. Razak
Muhammad Hafidz bin Abdullah	PENOLONG SETIAUSAHA PKSIP
PENGUATKUASAAN HUTAN	Zuraida binti Abd. Aziz
Muhamat Azman bin Yahya	SETIAUSAHA PUSPANITA
KEJURUTERAAN HUTAN	Rafizah bin Minhat
Faizah binti Mohamad	

Terlebih dahulu saya mengucapkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat ilahi kerana dengan izin-Nya sekali lagi Buletin MAJUTAN Edisi Mei-Ogos tahun 2017 dapat menemui pembaca khususnya, warga JPSM. Saya selaku Ketua Pengarang mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli Jawatankuasa Sidang Redaksi serta para penulis artikel dan laporan peristiwa yang senantiasa memberi komitmen sehingga berjaya menerbitkan buletin MAJUTAN untuk terus berada di hati warga JPSM.

Penghargaan yang tidak terhingga dihulurkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung atas bantuan dan dorongan sehingga Buletin ini dapat diterbitkan dengan jayanya. Tujuan Buletin ini dihasilkan adalah untuk memaparkan serta penyampaian berita dan peristiwa yang penuh berinformasi. Program-program yang telah berjaya diadakan hasil kerjasama semua warga kerja JPSM dan ianya telah dimuatkan dalam MAJUTAN ini. Selain itu terbitan Buletin MAJUTAN ini, turut memberi peluang kepada warga untuk mengasah bakat masing-masing dalam menghasilkan artikel/penulisan yang baik.

Saya mewakili Sidang Redaksi Buletin MAJUTAN memohon ampun dan maaf andai terdapat kelemahan dan kekurangan dalam kandungan Buletin ini.

Akhir kata, saya yakin semua warga JPSM akan dapat meneruskan usaha menjadi sebuah agensi terunggul dalam Pengurusan Hutan Secara Berkekalan demi Kesejahteraan Masyarakat.

Sekian, terima kasih.

Shashiah binti Abdul Karim
Ketua Pengarang

DIREKTORI

2	11	20
PROGRAM PENDAKIAN GUNUNG ANGSI OLEH PENDAKI KURANG UPAYA AZZRULKHAN HASRULLAH BIN MATSAH (ADAM) MAJLIS IBADAH QURBAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2017 M/1438 H	PROGRAM LATIHAN IKHTIAR HIDUP KURSUS SJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN BAGI SESI 2017-2018, INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN.	PROGRAM JOM SIHAT DAN CERGAS ANJURAN PUSPANITA NRE TINJAUAN EKOPELANCONGAN JPSM KE KAWASAN KONSERVASI LEMBAH DANUM (LDCA), SABAH PADA 10 – 13 NOVEMBER 2017
3	12	21
PROGRAM IBADAH QURBAN EIDULADHA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN 2017 MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA DAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017	LAWATAN KUMPULAN FOKUS PELAKSANAAN PENGUATKUSAAN, SIASATAN, PERUNDUNGAN & PENDAKWAAN OLEH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA JABATAN PERHUTANAN SABAH	EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN LEMBAH JEMALOI, HUTAN SIMPAN KENABOI, JELEBU, NEGERI SEMBILAN
4	13	22
MESYUARAT PERSEDIAAN PELAKSANAAN BENGKEL PASUKAN PETUGAS PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 PENGURUSAN BALAI PEMERIKSAAN HUTAN BENGKEL APFNET MENGENAI PEMULIHAN HUTAN DI WILAYAH ASIA PASIFIK	PROGRAM PENANAMAN POKOK RHU KEMPEN KESEDARAN PEMULIHARAAN TANAMAN PERSISIRAN PANTAI DISKUSI MEJA BULAT [ROUND TABLE DISCUSSION] KUMPULAN FOKUS INTEGRITI & TADBIR URUS	PROGRAM "CAKNE AQEELAH TRAIL 2017 (CAT'17)" GUNUNG DATUK
5	14	23
MINI-LAB PEMANTAPAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI BAWAH PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI ZON TEPIAN SUNGAI (LEMBANGAN SUNGAI KELANTAN)	MINI-LAB PEMANTAPAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI BAWAH PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI ZON TANAH TINGGI	PROGRAM "CHARITY HIKE V 3.0" KURSUS PENGENDALIAN MOTOSIKAL JENIS MOTORCROSS UNTUK PENGUATKUSAAN HUTAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG 2017
6	15	24
PROGRAM 1 GUNUNG 1 NEGERI BERSAMA YB. TIMBALAN MENTERI ANJURAN GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA DI GUNUNG DATUK MAJLIS BACAAN IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) 2017 JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN	KEMPEN KESEDARAN PERHUTANAN SOSIAL BAGI TAHUN 2017	KURSUS PEMANTAPAN PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4X4) MESYUARAT PASUKAN PETUGAS KHAS JAWATANKUASA OPERASI MENANAM POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPECIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA 2017
7	16	25
BENGKEL PENYEDIAAN SILIBUS DAN NOTA BAGI KURSUS SJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (SPRH) & KURSUS SJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (SPPH)	PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-37 TAHUN 2017	MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI-NEGERI
8	17	26
LAWATAN KUMPULAN FOKUS PELAKSANAAN PENGUATKUSAAN, SIASATAN, PERUNDUNGAN & PENDAKWAAN OLEH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA JABATAN HUTAN SARAWAK	PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37 PROGRAM KEMPEN FOREST GUARDIAN DAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA BAHAGIAN PENGUATKUSAAN HUTAN JPSM, SEK.MEN.SAINS GUA MUSANG SERTA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG (JPNP) DI HS BUKIT BUJANG, CAMERON HIGHLANDS	PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL DAN KEMPEN KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI SEMBILAN HARI KELUARGA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN
9	18	27
LAWATAN KERJA KE PROJEK PERHUTANAN SOSIAL KE ARAH KESEDARAN AWAM DAN PERHUTANAN MASYARAKAT KE NEGERI SABAH BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT JAWATANKUASA PETUGAS KHAS PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BIL.2/2017	LAWATAN KERJA KE LADANG KARAS HUTAN SIMPAN MER-CHANG, TERENGGANU SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37	MAJLIS MESRA KETUA PENGARAH PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA WARGA JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
10	19	
KURSUS PENGENALAN DAN PENGECAMAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2017 (ZON TIMUR DAN ZON SELATAN)	PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN HUTAN TEROSOT SERTA LAWATAN KE POKOK CHENGAL BESAR SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37	

PROGRAM PENDAKIAN GUNUNG ANGSI OLEH PENDAKI KURANG UPAYA AZZRULKHAN HASRULLAH BIN MATSAH (ADAM)

Disediakan oleh: Mohd Zaid bin Baharom
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



KUALA PILAH, 2 SEPTEMBER 2017

Satu Program pendakian Gunung Angsi bersama pendaki kurang upaya Encik Azzrulkhan bin Hasrullah atau dikenali dengan nama panggilan Adam yang telah di anjurkan oleh Persatuan Anak Gunung Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan. Saudara Adam adalah pemegang Malaysia Book of Record untuk pendaki kurang upaya pertama yang menawan puncak Gunung Kinabalu secara merangkak dan beliau juga telah berjaya menawan puncak Gunung Datuk, Rembau pada 25 Februari 2017. Program ini juga dijadikan sebagai salah satu program Kerjaaan Negeri bersempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-60. Program ini juga menjadi kesinambungan kepada Program Ekspedisi Menuju Puncak 2017 di Gunung Angsi pada 19 Ogos 2017.

MAJLIS IBADAH QURBAN IBU PEJABAT JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA 2017 M/1438 H

KEPONG, 4 SEPTEMBER 2017

Disediakan oleh: Mohd Zaid bin Baharom
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Persatuan Kebajikan dan Sukan Ibu Pejabat Perhutanan (PKSIP) dengan kerjasama Surau Al-Fatih, IPJPSM telah mengadakan Majlis Ibadah Qurban IPJPSM 2017 bertempat di Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong, Selangor. Majlis ini bertujuan untuk menjalankan ibadah qurban disamping mengeratkan silaturahim dikalangan warga muslim IPJPSM. Majlis ini dihadiri oleh

YBhg. Dato' Haji Nor Akhiruddin bin Mahmud (Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia), YBhg. Datuk Borhanudin bin Haji Arshad (TKPOT), merangkap Yang Dipertua PKSIP, Pengarah-pengarah Bahagian, pegawai dan kakitangan IPJPSM serta Pelatih Intitud Latihan Perhutanan (FORTRAIN) yang melibatkan penyertaan seramai 150 orang.



Majlis ini dimulai dengan bacaan doa selamat dan sembelihan qurban sebanyak dua (2) ekor yang diketuai oleh Ustaz Zakaria bin Husin. Aktiviti seterusnya adalah kerja-kerja melapah dan memasak sebahagian daging qurban untuk dimakan bersama-sama. Majlis berakhir dengan penyampaian daging qurban kepada warga muslim IPJPSM yang hadir dan kepada Rumah Anak Yatim Kasih di Paya Jaras Sungai Buloh, Selangor. Pihak pengajur mengucapkan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa yang terlibat, warga kerja muslim IPJPSM, Pelatih Fortrain dan juga Syarikat Biz Café yang telah bersama-sama menjayakan program ini. Semoga segala usaha bersama ini diberkati Allah. Insya Allah...

PROGRAM IBADAH QURBAN EIDULADHA JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN 2017

Disediakan oleh: Norshazlee Bin Haji Roslee
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



JELEBU, 4 SEPTEMBER 2017

Hari Raya Eiduladha 2017 telah diserikan dengan perlaksanaan program Ibadah Qurban di Pejabat Hutan Daerah Negeri Sembilan Utara. Program ini merupakan program tahunan yang telah dianjurkan oleh Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dengan kerjasama Persatuan Kebajikan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

Program pada hari tersebut telah dimulakan dengan bacaan Majlis bacaan Yassin dan tahlil yang diketuai oleh Imam Kampung Batu Seremba yang berhampiran. Sebanyak 3 ekor lembu telah disembelih bagi tujuan Ibadah Qurban pada tahun ini. Program yang diadakan secara gotong-royong ini

sedikit sebanyak telah mengeratkan hubungan silaturrahim dan semangat kerjasama dikalangan kakitangan jabatan. Pengagihan daging qurban telah dibuat kepada golongan asnaf yang berhampiran.

MAJLIS SAMBUTAN HARI HUTAN ANTARABANGSA DAN HARI KONSERVASI EKOSISTEM HUTAN PAYA LAUT ANTARABANGSA PERINGKAT KEBANGSAAN TAHUN 2017

Disediakan oleh : Nor Najwa binti Abdullah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KEMAMAN, 7 SEPTEMBER 2017

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu telah menganjurkan Majlis Sambutan Hari Hutan Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 Dan Hari Konservasi Ekosistem Hutan Paya Laut Antarabangsa Peringkat Kebangsaan Tahun 2017 bertempat di Hutan Simpan Kuala Kemaman, Bakau Tinggi, Kemaman Terengganu. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Dato Sri Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar, Menteri Sumber Asli Dan Alam Sekitar. Turut serta dalam program ini ialah YB Dato' Sri Ahmad Shabery Cheek, Menteri Pertanian & Industri Asas Tani, YB Ir. Rosli Bin Othman, Pengurusi Jawatankuasa Infrastruktur, Kemudahan Awam, Tenaga dan Teknologi Hijau Negeri mewakili YAB Dato' Seri Haji Ahmad Razif Bin Abd. Rahman, Menteri Besar Terengganu, YBhg. Dato'Hj. Nor Akhirrudin B. Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia, YBhg. Dato' Haji Ahmad Fadzil Bin Abdul



Majid, Pengarah Perhutanan Negeri Terengganu, pegawai-pegawai kanan JPSM, pegawai kanan JPNT, JKPK dan mahasiswa IPT. Penganjuran program ini bertujuan untuk memupuk kesedaran masyarakat untuk menyayangi khazanah hutan dan memelihara ekosistem hutan paya laut melalui program kemasyarakatan. Antara aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut adalah penanaman pokok, pelancaran

Petak Konservasi Ex-Situ Pokok Berus Mata Buaya (Bruguiera hainesii), gerai pameran serta lawatan menyusuri Sungai Chukai, Kemaman dengan menaiki bot. Jawatankuasa pengangur dengan tulus ikhlas dan berbesar hati merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada semua Jabatan dan Agensi serta individu yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam menjayakan majlis sambutan ini.

MESYUARAT PERSEDIAAN PELAKSANAAN BENGKEL PASUKAN PETUGAS PENSIJILAN MS ISO 9001:2015 PENGURUSAN BALAI PEMERIKSAAN HUTAN



PORT DICKSON, NEGERI SEMBILAN, 11 SEPTEMBER 2017

Bahagian Perancangan & Ekonomi Hutan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPJS) bersama perunding

daripada Paisley Consulting Sdn. Bhd. telah mengadakan Mesyuarat Persediaan Pelaksanaan Bengkel Pasukan Petugas Pensijilan MS ISO 9001:2015 Pengurusan Balai Pemeriksaan Hutan pada 11 hingga 13 September 2017 bertempat di Port Dickson, Negeri Sembilan. Mesyuarat

Disediakan oleh: Mohd Zaid bin Baharom
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

ini adalah bertujuan untuk mengkaji semula keperluan pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO di JPJS dan menyediakan kertas kerja Pelaksanaan MS ISO 9001:2015 dengan skop baru iaitu Pengurusan Balai Pemeriksaan Hutan (BPH). Seramai 19 orang pegawai daripada Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) yang terdiri daripada gred G41 hingga G52 telah hadir ke mesyuarat ini. Hasil perbincangan daripada mesyuarat ini juga telah dibentangkan dalam Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke- 37 pada 29 Oktober hingga 1 November 2017.

BENGKEL APFNET MENGENAI PEMULIHAN HUTAN DI WILAYAH ASIA PASIFIK

CHINA, 12-13 SEPTEMBER 2017

Bengkel APFNet Mengenai Pemulihan Hutan di Wilayah Asia Pasifik telah diadakan di Beijing, China pada 12 hingga 13 September 2017. Bengkel tersebut telah dianjurkan oleh Asia-Pacific Network for Sustainable Forest Management and Rehabilitation (APFNet) yang bertujuan untuk:

- memahami cabaran dan keperluan pemulihan hutan yang sedang berlaku di Wilayah Asia Pasifik;
- memahami cabaran dan keperluan yang telah ditangani melalui projek yang telah siap dan sedang dilaksanakan;
- mengenalpasti pencapaian utama bagi projek pemulihan hutan yang dipilih APFNet dan memahami perkara yang membawa kepada pencapaian tersebut; dan
- mengenalpasti peluang bagi projek pemulihan hutan APFNet untuk menangani keperluan dan cabaran yang dikenalpasti sama ada melalui mereplikasi kaedah projek sedia ada ataupun membangunkan kaedah baharu projek.



Barisan penceramah, peserta dan urusetia Bengkel APFNet Mengenai Pemulihan Hutan Di Wilayah Asia Pasifik

Seramai 30 orang peserta daripada benua Asia Pasifik telah menghadiri bengkel tersebut, ini termasuklah peserta-peserta dari negara Comodia, China, Thailand, Indonesia, Loa PDR, Myanmar, Nepal dan Vietnam. Bengkel ini telah dirasmikan oleh Dr Lu De, Penolong Pengarah Eksekutif dari sekretariat APFNet dan diikuti sesi ceramah oleh Profesor Wilhelmus De Jong dari Universiti Kyoto.



Sesi pembentangan kertas kerja

MINI-LAB PEMANTAPAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI BAWAH PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI ZON TEPIAN SUNGAI (LEMBANGAN SUNGAI KELANTAN)

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM

KOTA BAHRU, 12-14 SEPTEMBER 2017

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah menganjurkan Mini-Lab Pemantapan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia bagi Zon Tepian Sungai (Lembangan Sungai Kelantan) pada 12 - 14 September 2017 bertempat di Hotel Crown Garden Kota Bharu, Kelantan yang telah dirasmikan oleh YBhg. Dato' Hj. Zahari Bin Ibrahim, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan yang mewakili YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 13 September 2017. Mini-lab ini mendapat sambutan yang mengalakkannya dengan jumlah peserta seramai 34 orang yang terdiri daripada Pegawai Kanan Agensi-agensi Kerajaan Negeri Kelantan, Subject Matter Experts, Pegawai-pejawai Kanan Jabatan Perhutanan Negeri Kelantan dan Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia. Objektif mini-lab adalah untuk memberi pendedahan kepada peserta-peserta berkaitan program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia di Lembangan Sungai Kelantan; dan untuk mengenalpasti kawasan-kawasan Lembangan Sungai Kelantan yang sesuai untuk melaksanakan program ini dimasa hadapan.

Mini-lab selama tiga (3) hari yang telah dijalankan meliputi pembentangan keperluan mini-Lab oleh Encik Mohd Jinis Bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur,



Program Pemerhatian dan Pengumpulan Maklumat di Lembangan Sungai Kelantan



Sesi Bergambar bersama YBhg. Dato' Hj. Zahari Bin Ibrahim, Pengarah Perhutanan Negeri Kelantan bagi Mini-Lab Pemantapan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia bagi Zon Tepian Sungai (Lembangan Sungai Kelantan)

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan dan dituruti dengan pembentangan daripada kumpulan R&D Prof Madya Dr. Mohd Zaki Bin Hamzah daripada Universiti Putra Malaysia dan juga Encik Mohd Fakhri Bin Ishak daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia. Seterusnya perbincangan di dalam kumpulan meliputi kawasan Jajahan di Kelantan iaitu Jajahan Gua Musang, Jajahan

Secara keseluruhannya, pihak penganggar berpendapat bahawa objektif kursus ini telah tercapai berdasarkan kepada beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan mini-lab ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka.



Sesi Rumusan Mini-Lab Pemantapan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Bawah Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot di Semenanjung Malaysia bagi Zon Tepian Sungai (Lembangan Sungai Kelantan) oleh Encik Mohd Jinis Bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan

PROGRAM 1 GUNUNG 1 NEGERI BERSAMA YB. TIMBALAN MENTERI ANJURAN GERAKAN BELIA 4B MALAYSIA DI GUNUNG DATUK

Disediakan oleh : En. Mohd Shahril bin Haji Abd Rashid
Pegawai Hutan Daerah Negeri Sembilan Barat



REMBAU, 17 SEPTEMBER 2017

“Sejarah demi sejarah terus tercipta, rekod demi rekod terus dicatat”. Itulah satu ungkapan yang sangat sesuai untuk diucapkan yang mana Program 1 Gunung 1 Negeri Anjuran Gerakan Belia 4B Malaysia dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan berjaya dilaksanakan. Program ini juga merupakan satu siri jelajah Gerakan Belia 4B Malaysia untuk menawan satu gunung bagi tiap-tiap negeri di Malaysia.

Tetamu kehormat yang hadir bagi merasmikan program ini adalah seorang tokoh wanita yang berjaya di dalam kerjaya politik beliau mengambil langkah berani untuk menyahut cabaran untuk menakluki puncak Gunung Datuk tanpa sebarang pengalaman mendaki gunung. Beliau yang dimaksudkan adalah YB. Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin, Timbalan Menteri Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia.

MAJLIS BACAAN IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) 2017 JABATAN PERHUTANAN NEGERI SEMBILAN

Disediakan Oleh: Noor Fadli Bin Hamzah
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.



Sesi bergambar



Majlis menandatangani Sijil IBR



Majlis penyerahan Sijil IBR oleh Pegawai Kanan jabatan

WISMA NEGERI, 20HB SEPTEMBER 2017

Majlis Bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) peringkat Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah berlangsung di Dewan Theattrete dengan dihadiri oleh seramai 160 orang kakitangan jabatan yang terdiri daripada pegawai kanan, kakitangan beruniform dan juga bahagian pentadbiran. Majlis telah dimulakan seawal jam 8.00 pagi dengan sesi pendaftaran dan diikuti dengan sesi ceramah integriti yang telah disampaikan oleh Penolong Pengguna SPRM Negeri Sembilan iaitu En. Mohd Azizul Feisal Bin Hasan.

Majlis telah dihadiri oleh Ketua Unit Integriti Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, iaitu En. Sabri Bin Mohamed dan Pengarah SPRM Negeri Sembilan Darul Khusus iaitu En. Ramli Bin Ismail. Majlis diserikan dengan ucapan daripada Pengarah Perhutanan Negeri, En Salim bin Aman dan diikuti oleh ucapan daripada Pengarah SPRM Negeri Sembilan. Acara kemuncak bagi Majlis Ikrar Bebas Rasuah ini telah dijayakan dengan Lafaz Ikrar Bebas Rasuah yang diketuai oleh wakil Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan. Turut diadakan adalah

sesi menandatangani Ikrar Bebas Rasuah oleh Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan dan sesi penyerahan sijil Ikrar Bebas Rasuah oleh wakil pekerja.

Ikrar Bebas Rasuah ini adalah satu manifestasi jabatan dalam bentuk ikrar dan janji yang dibuat oleh kakitangan jabatan dalam memastikan agar sentiasa bertanggungjawab dan berintegriti dalam melaksanakan tugasannya sepanjang berkhidmat bersama jabatan. Majlis diakhiri dengan sesi bergambar oleh seluruh kakitangan JPNNS bersama tetamu jemputan.

BENGKEL PENYEDIAAN SILIBUS DAN NOTA BAGI KURSUS SIJIL PERHUTANAN RENJER HUTAN (SPRH) & KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN (SPPH)

Disediakan oleh: Noorshathiroh Binti Saidin
Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), BLP, IPJPSM



Sesi Bergambar Peserta Bengkel Penyediaan Silibus dan Nota bagi kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (SPRH) & kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (SPPH)

CAMERON HIGHLANDS, 2-5 OKTOBER 2017

Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong telah menganjurkan Bengkel Penyediaan Silibus dan Nota bagi kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (SPRH) & kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (SPPH) bagi Memperkasakan Aktiviti Penguatkuasaan telah diadakan di Heritage Hotel, Cameron Highlands, Pahang. Bengkel ini telah dirasmikan oleh YBrs. Dr. Mohd Hizamri Bin Mohd Yasin, Pengarah Bahagian Latihan Perhutanan, IPJPSM. Seramai 70 orang peserta yang terdiri daripada pegawai dan staf dari Jabatan Hutan Sarawak, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, Jabatan Perhutanan Negeri, Persatuan Penolong Pemelihara Hutan Semenanjung Malaysia, Kesatuan Pegawai-Pegawai Hutan Melayu Semenanjung Malaysia, Pengajar Membalak, Pembantu Awam dan pensyarah Fakulti Perhutanan Universiti Putra Malaysia telah hadir ke bengkel ini.



Para peserta bengkel membuat perbincangan dalam kumpulan

Objektif utama bengkel ini adalah bertujuan menyediakan nota Kursus bagi setiap subjek Kursus Sijil Perhutanan Renjer Hutan (SPRH) dan Sijil Perhutanan Pengawas Hutan (SPPH). Pengemaskinian terakhir kurikulum dan nota kursus bagi sijil-sijil ini adalah pada tahun 2013. Peserta bengkel ini dibahagikan kepada kumpulan-kumpulan mengikut profesi dalam bidang masing-masing. Sebanyak 27 subjek bagi SPRH dan 16 subjek SPPH telah disemak semula intipati kuliah ini.

Taklimat bengkel ini telah disampaikan oleh Prof Madya Dr. Mohd Zaki Bin Hamzah, Dr. Norizah Binti Kamarudin dan Pn. Kholizan Binti Jamaludin.

Dengan penyediaan silibus dan nota yang baru akan dapat melahirkan graduan yang berilmu dan berkemahiran sebagai sumber tenaga kerja untuk mengurus dan membangunkan sumber hutan secara efektif dan berkesan di masa hadapan. Selain dapat menyediakan tenaga kerja yang kompeten di JPSM serta memastikan kegemilangan organisasi JPSM akan terus wujud, relevan dan berupaya menjamin pembangunan masa depan sektor perhutani negara secara lebih mantap.

LAWATAN KUMPULAN FOKUS PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN, SIASATAN, PERUNDANGAN & PENDAKWAAN OLEH JABATAN PERHUTANAN SEmenanjung MALAYSIA BERSAMA JABATAN HUTAN SARAWAK

Disediakan oleh Line @ Norline binti Zarnudin
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM



KUCHING, 2-6 OKTOBER 2017

Sesi bergambar peserta lawatan JPSM bersama dengan Jabatan Hutan Sarawak

Bahagian Perundangan & Pendakwaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengadakan Lawatan Kumpulan Fokus berkenaan Pelaksanaan Penguatkuasaan, Siasatan, Perundangan & Pendakwaan, oleh JPSM bersama Jabatan Hutan Sarawak (JHS) pada 2 Oktober 2017 hingga 6 Oktober 2017.

Seramai 24 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Fokus Pelaksanaan Penguatkuasaan, Perundangan & Pendakwaan dan Integriti yang juga disertai oleh Puan Fazilah binti Mansor, Pengarah Perundangan dan Pendakwaan

di dalam lawatan ke Jabatan Hutan Sarawak. Lawatan ini adalah bertujuan untuk menjadikan ia sebagai satu platform perkongsian pengalaman, maklumat dan isu-isu semasa berkaitan dengan penguatkuasaan perhutanan di Negara ini. Perkongsian ini juga diharap dapat mengembangkan dan menambahbaik bidang penguatkuasaan perhutanan di antara JPSM dengan Jabatan Hutan Sarawak.

Sepanjang lawatan ini berlangsung para peserta diberikan sesi taklimat selama 2 hari dalam perkongsian pengalaman dan maklumat mengenai isu-isu semasa di Jabatan Perhutanan masing-masing.

Para peserta juga berpeluang melawat ke Santuari Hidupan Liar Semenggoh (SWC) pada 5 Oktober 2017 untuk melihat langkah-langkah penguatkuasaan yang dijalankan.

Pada keseluruhannya lawatan ini sangat bermanfaat dalam perkongsian maklumat proses penguatkuasaan, siasatan dan perundangan dan pendakwaan. Di samping itu juga, lawatan ini dapat menjalinkan satu hubungan profesional yang baik dan diharapkan ia berterusan di antara JPSM dengan Jabatan Hutan Sarawak dalam memfokuskan bidang penguatkuasaan, siasatan, perundangan dan pendakwaan.



Peserta JPSM bersama dengan Jabatan Hutan Sarawak semasa lawatan ke Santuari Hidupan Liar di Semenggoh



Pengarah Perundangan & Pendakwaan JPSM menyampaikan cenderamata kepada Pengarah Jabatan Hutan Sarawak

LAWATAN KERJA KE PROJEK PERHUTANAN SOSIAL KE ARAH KESEDARAN AWAM DAN PERHUTANAN MASYARAKAT KE NEGERI SABAH BERSEMPENA DENGAN MESYUARAT JAWATANKUASA PETUGAS KHAS PERHUTANAN SOSIAL JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BIL.2/2017

Disediakan oleh: Nor Hidayu binti Abdul Razak/Abdul Nasir bin Ismail
Unit Komunikasi Korporat dan Perhubungan Awam, IPJPSM



Program Eco-link Kg. Bundu Tuhan, Kundasang bersama dengan Ketua rombongan, YBhg. Datuk Borhanudin dan ahli jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial JPSM bergambar dengan Pegawai-Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Sabah serta penduduk kampung projek Eco-link

KOTA KINABALU, 2-3 OKTOBER 2018

Lawatan ke kawasan projek komuniti perhutanan sosial oleh Ahli Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia telah diadakan di daerah Ranau, Tamparuli, Kota Belud dan Kota Kinabalu, Sabah pada 2 hingga 3 Oktober 2017. Lawatan ini diadakan sebagai salah satu program bersempena dengan Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial JPSM Bil. 2/2017 yang diadakan pada 4 Oktober 2017 di Pejabat Hutan Daerah Kota Kinabalu.

Rombongan ini diketuai oleh Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Operasi dan Teknikal) iaitu Datuk Borhanudin bin Hj. Arshad dan seramai 30 orang ahli-ahli Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial JPSM.

Lawatan kerja ini bertujuan untuk memberi pendedahan kepada ahli-ahli Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial mempelajari kaedah-kaedah pengurusan perhutanan dengan penglibatan komuniti dalam usaha melestari dan mengekalkan kawasan hutan di samping membantu mengawal pencerobohan hutan serta meningkatkan keberkesaan penguatkuasaan hutan.

Secara keseluruhannya, lawatan ke kawasan projek komuniti perhutanan sosial oleh Ahli Jawatankuasa Petugas

Khas Perhutanan Sosial, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia ke daerah Ranau, Tamparuli, Kota Belud dan Kota Kinabalu telah memberikan pendedahan serta berpeluang untuk bertukar-tukar pandangan dan idea mengenai projek hutan sosial yang dilaksanakan oleh Jabatan Perhutanan Sabah dengan penduduk kampung. Semoga lawatan ini dapat memberikan impak yang positif terhadap minda ahli jawatankuasa di dalam pelaksanaan projek komuniti di Semenanjung Malaysia di masa akan datang



Mesyuarat Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bil. 2/2017 yang dipengerusikan oleh YBhg. Datuk Borhanudin b. Hj. Arshad



Ketua rombongan, YBhg. Datuk Borhanudin bersama Pengarah JPN Perak, YBhg. Dato' Md. Zin, Pengarah JPN Selangor, Dr. Hj. Puat serta Ahli Jawatankuasa Petugas Khas Perhutanan Sosial JPSM bergambar dengan Pegawai-Pegawai Jabatan Perhutanan Negeri Sabah dan penduduk kampung Ponopuan, Hutan Simpan Kelawat bagi Program Perhutanan Masyarakat berdasarkan Pengurusan Hutan Bersama (JFM) di Hutan Simpan Kelawat, Kota Belud

KURSUS PENGENALAN DAN PENGECAMAN SPESIES DIPTEROKARPA TERANCAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI PEGAWAI LAPANGAN/ BERUNIFORM TAHUN 2017 (ZON TIMUR DAN ZON SELATAN)

Disediakan oleh :Noor Azrien Binti Zainon, Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



Sesi Bergambar bersama YBhg. YBhg. Dato' Roslan Bin Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan) bagi Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai



Majlis Perasmian Kursus Pengenalan Dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/ Beruniform Tahun 2017 (Zon Timur Dan Zon Selatan) oleh YBhg. Dato' Roslan Bin Ariffin, Timbalan Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan) pada 10 Oktober 2017

KUALA BERANG, 9-12 OKTOBER 2017

Bahagian Silvikultur & Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah mengambil inisiatif untuk mengadakan Kursus Pengenalan dan Pengecaman Spesies Dipterokarpa Terancam di Semenanjung Malaysia bagi Pegawai Lapangan/ Beruniform Tahun 2017 (Zon Timur dan Zon Selatan) pada 9-12 Oktober 2017 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Terengganu, Kuala Berang, Terengganu yang terdiri daripada 26 orang Pegawai Lapangan/Beruniform Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) Negeri Jabatan Perhutanan Negeri (JPN) di Negeri Johor, Kelantan, Melaka, Negeri Sembilan, Pahang, Selangor dan Terengganu. Kursus ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kefahaman berkaitan status spesies tumbuhan terancam terutamanya kumpulan Dipterokarpa di Semenanjung Malaysia terutamanya spesies Dipterokarpa kategori Sangat Terancam (Critically Endangered) dan memberi penekanan terhadap kaedah-kaedah pengecaman spesies Dipterokarpa terancam di lapangan secara amali. Kursus ini juga memberi fokus kepada 15 spesies Pokok Dipterokarpa (Kaum Damar) yang dikategorikan Sangat Terancam (Critically Endangered) dalam Kawasan Hutan Tanah Kerajaan dan Hutan Simpanan Kekal di Semenanjung Malaysia.

Sesi ceramah dan latihan amali di lapangan telah dikendalikan sepenuhnya oleh penceramah daripada Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM). Para penceramah dan fasilitator mempunyai pengalaman dan pengetahuan yang luas mengenai spesies

Dipterokarpa terancam di Semenanjung Malaysia. Mereka ini adalah Dr. Lillian Chua Swee Lian (Pengarah Bahagian Biodiversiti Hutan (Jusa C)), Puan Wendy Yong (Pegawai Penyelidik (Q41)), Puan Suhaida Mustafa (Pegawai Penyelidik (Q41)), Puan Ummul Nazrah Abdul Rahman (Pegawai Penyelidik (Q41)), Encik Norzamli Amlil (Pembantu Awam (H11)) dan Encik Ayau Kanit (Pembantu Awam (H11)).

Kursus selama empat (4) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori, praktikal di lapangan dan latihan di dalam kumpulan yang meliputi penyediaan spesies terancam dalam bentuk herbarium. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi pengecaman spesies terancam iaitu di Kompartmen 31, Hutan Simpan Jerangau, Terengganu. Sebanyak lapan (8) spesies Dipterokarpa terancam yang telah ditemui seperti Dipterocarpus palembanicus (Keruing ternek), Vatica mangachapoi (Resak julong), Dipterocarpis euryynchus (Keruing baran), Hopea nutans (Giam), Vatica pauciflora (Resak laru), Dipterocarpus sarawakensis (Keruing layang), Dipterocarpus lowii (Keruing sol) dan Dipterocarpus concavus (Keruing sendok).

Ujian penilaian pengecaman spesies Dipterokarpa terancam telah dijalankan bagi menguji tahap pengecaman spesies terancam kepada peserta kursus sebelum kursus dijalankan dan pada akhir kursus. Tujuan utama ujian penilaian pengecaman ini dijalankan adalah untuk menilai tahap keberkesaan kursus di mana markah



Daun Dipterocarpis euryynchus (Keruing baran)

ujian sebelum kursus dan markah akhir kursus bagi setiap peserta akan dibuat perbandingan. Hasil analisa keputusan ujian tersebut menunjukkan terdapat peningkatan markah bagi setiap peserta dan hal ini jelas menunjukkan kursus ini memberikan kefahaman kepada peserta.

PROGRAM LATIHAN IKHTIAR HIDUP KURSUS SIJIL PERHUTANAN PENGAWAS HUTAN BAGI SESI 2017-2018, INSTITUT LATIHAN PERHUTANAN (FORTRAIN), BAHAGIAN LATIHAN PERHUTANAN.

Disediakan oleh: Pn. Kholizan binti Jamaludin
Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN), BLP, IPJPSM

LENTANG, 9-14 OKTOBER 2017

Bahagian Latihan Perhutanan telah mengadakan program Latihan Ikhtiar Hidup (LIH) kepada pelatih kursus Sijil Perhutanan Pengawas Hutan bagi Sesi 2017-2018 Institut Latihan Perhutanan (FORTRAIN). Program LIH ini telah dilaksanakan pada 9-14 Oktober 2017 bertempat di Kompartiment 17, Hutan Simpan Lentang, Pahang Darul Makmur. Tujuan latihan ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelatih FORTRAIN mengenai ilmu-ilmu perhutanan yang boleh dimanfaatkan semasa berkhemah di dalam hutan. Antara aktiviti yang dijalankan adalah survivor camping dan membuat rakit. Selain itu, pihak FORTRAIN juga telah mengadakan Pra LIH pada 18 Oktober 2017 di mana beberapa latihan seperti kaedah membuat jerat, kaedah memasak di dalam hutan, kaedah menghidupkan api dan kaedah menyediakan tempat perlindungan di dalam hutan didedahkan kepada para pelatih sebagai persediaan awal bagi menjalani LIH ini. Seramai 89 orang pelatih telah menjalani latihan ini dengan jayanya.



En. Anuar bin Wok sedang mengajar kepada pelatih tentang kaedah membina rakit



Pelatih menghidupkan api menggunakan teknik yang telah dipelajari

LAWATAN KUMPULAN FOKUS PELAKSANAAN PENGUATKUASAAN, SIASATAN, PERUNDANGAN & PENDAKWAAN OLEH JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA BERSAMA JABATAN PERHUTANAN SABAH

Disediakan oleh Line @ Norline binti Zarnudin
Bahagian Perundangan dan Pendakwaan, IPJPSM



Sesi bergambar peserta lawatan JPSM bersama dengan Jabatan Perhutanan Sabah



Peserta lawatan JPSM ke Unit Anjing Pengesan Jabatan Perhutanan Sabah

SANDAKAN, 9-13 OKTOBER 2017

Bahagian Perundangan & Pendakwaan, Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) telah mengadakan Lawatan Kumpulan Fokus berkenaan Pelaksanaan Penguatkuasaan, Siasatan, Perundangan & Pendakwaan, Jabatan Perhutanan Sabah (JPS) pada 9 Oktober 2017 hingga 13 Oktober 2017.

Seramai 20 orang peserta yang terdiri daripada Kumpulan Fokus Pelaksanaan Penguatkuasaan, Perundangan & Pendakwaan dan Integriti yang juga disertai oleh Encik Abd. Ramlizauyahhuddin bin Mahli, Ketua Seksyen Penguatkuasaan di dalam lawatan ini.

Lawatan ini adalah bertujuan sebagai satu platform perkongsian pengalaman, maklumat dan isu-isu semasa berkaitan dengan penguatkuasaan perhutanan

di negara ini dan diharapkan dapat mengembangkan dan menambahbaik bidang penguatkuasaan perhutanan di antara JPSM dengan Jabatan Perhutanan Sabah.

Sepanjang lawatan ini berlangsung para peserta diberikan sesi taklimat selama 2 hari dalam perkongsian pengalaman dan maklumat mengenai isu-isu semasa di Jabatan Perhutanan masing-masing. Para peserta juga berpeluang melawat ke Unit Anjing Pengesan Jabatan Perhutanan Sabah, Pusat Pemuliharaan Orang Hutan Sepilok, Pusat Pemuliharaan Beruang Madu Borneo dan Pusat Penyelidikan dan Pembangunan Hutan Hujan.

Lawatan dan perkongsian maklumat ini sangat bermanfaat dalam proses penguatkuasaan, siasatan, perundangan dan pendakwaan untuk penambahbaikan

termasuk meningkatkan pemahaman dan kecekapan peserta.. Di samping itu juga, lawatan ini dapat menjalinkan satu hubungan profesional yang baik dan diharapkan ia berterusan di antara JPSM dengan Jabatan Perhutanan Sabah dalam memfokuskan bidang penguatkuasaan, siasatan, perundangan dan pendakwaan. ujian sebelum kursus dan markah akhir kursus bagi setiap peserta akan dibuat perbandingan. Hasil analisa keputusan ujian tersebut menunjukkan terdapat peningkatan markah bagi setiap peserta dan hal ini jelas menunjukkan kursus ini memberikan kefahaman kepada peserta.

PROGRAM PENANAMAN POKOK RHU KEMEN KESEDARAN PEMULIHARAAN TANAMAN PERSISIRAN PANTAI

Disediakan oleh : Irwan Bin Pilus
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan.

PORT DICKSON, 12 OKTOBER 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan bersama Syarikat Petron dengan kerjasama Majlis Perbandaran Port Dickson (MPPD), Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan dan Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan (JPNNS) telah menganjurkan Program Penanaman Pokok Rhu Kesedaran Pemuliharaan Tanaman Persisiran Pantai di Pantai Purnama Port Dickson. Program ini disertai oleh 200 orang. Program ini dirasmikan oleh Exco YB Tuan Hj. Tun Hairudin bin Abu Bakar ADUN Bagan Pinang, Pengurus Jawatankuasa Bertindak Pelancungan dan Kepenggunaan dan dif-dif terhormat.

Objektif program ini ialah meneroka strategi bagi membangunkan komuniti lestari melalui pemuliharaan, membina sahsiahan diri dan sikap sukarelawan dalam masyarakat, ancaman dan penyelesaian bagi hakisan pantai. Acara program ini tertumpu kepada penanaman sebanyak 200 pokok Rhu Pantai (Casuarina equisetifolia) oleh para peserta di Pantai Purnama.



Jemputan Dif-dif terhormat



Peserta menanam pokok

DISKUSI MEJA BULAT [ROUND TABLE DISCUSSION] KUMPULAN FOKUS INTEGRITI & TADBIR URUS

Disediakan oleh : En Mohd Hamzah Bin Abdullah
Unit Integriti Perhutanan [UIP], IPJPSM

KEPONG, 16-17 OKTOBER 2017

Bertempat di Dewan Seminar, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong telah diadakan satu Diskusi Meja Bulat / Round Table Discussion [RTD] bagi membincangkan dan mengenalpasti serta cadangan penambahbaikan perkara-perkara berkaitan dengan Operasi Balai Pemeriksa Hutan [BPH], Proses Pelesenan dan Imej Jabatan. RTD ini dihadiri oleh Pegawai Hutan Daerah [PHD] dan Pengawas Hutan yang bertugas Di Balai Pemeriksa Hutan [BPH] di Jabatan Perhutanan Negeri dan dibahagikan kepada dua kumpulan.

Pegawai Hutan Daerah [PHD] membincangkan berkenaan Operasi Balai Pemeriksa Hutan [BPH], Proses Pelesenan dan Menambahbaik Imej Jabatan manakala Pengawas Hutan yang bertugas Di Balai Pemeriksa Hutan [BPH] membincangkan mengenai Penambahbaik di Balai Pemeriksa



Pegawai Hutan Daerah dan Pegawai Yang Menjaga Balai Pemeriksa Hutan Jabatan Perhutanan Negeri yang hadir di Diskusi Meja Bulat di Bahagian Latihan Perhutanan Kepong

Hutan [BPH]. RTD ini merupakan antara usaha jabatan dalam memperkuatkan dan memantapkan integriti dan tadbir urus. Hasil dari perbincangan dan percambahan fikiran ahli-ahli kumpulan akan dibentangkan ke Pengurusan Tertinggi untuk di perhalusi.

MINI-LAB PEMANTAPAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI BAWAH PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN KAWASAN HUTAN TEROSOT DI SEMENANJUNG MALAYSIA BAGI ZON TANAH TINGGI

CAMERON HIGHLANDS, 15-17 OKTOBER 2017

Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan (BSB) telah menganjurkan Mini-Lab Pemantapan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Bawah Program Restorasi, Tebus Guna Dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Semenanjung Malaysia bagi Zon Tanah Tinggi pada 15 - 17 Oktober 2017 bertempat di Hotel Star Regency, Brinchang, Cameron Highlands, Pahang yang telah dirasmikan oleh Encik Mohd Jinis bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur yang mewakili YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Ketua Pengarah Perhutanan Semenanjung Malaysia pada 16 Oktober 2017. Mini lab ini telah disertai seramai 21 orang peserta yang terdiri daripada Pegawai Kumpulan Sokongan (G29 dan ke bawah), Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (IPJPSM) dan Jabatan Perhutanan Negeri (JPN).

Penceramah adalah daripada pegawai Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia iaitu Encik Saiful Azmi Bin Mat A'azid [Penolong Pegawai Kanan (Biji Benih), Jabatan Perhutanan Negeri Pahang] dan Puan Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi, [Penolong Pegawai Kepelbagai Biologi Hutan (Arboretum), BSB, IPJPSM]. Tujuan bengkel adalah untuk meningkatkan pengetahuan berkaitan kaedah dan teknik restorasi secara khusus di kawasan zon tanaman Cameron Highlands, Pahang.

Bengkel selama tiga (3) hari yang telah dijalankan meliputi kaedah pembelajaran secara teori dan praktikal di lapangan yang meliputi pengenalan kepada tapak semaihan, penyediaan media tanaman, perolehan bahan tanaman, penyelenggaraan anak tabung, penyediaan pembiakan tampang, pengendalian biji benih dan penyelenggaraan anak tabung. Para peserta telah dibawa ke lapangan bagi penyediaan anak liar sebagai bahan tanaman iaitu di Hutan Lipur Sungai Pauh dan juga di Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands.

Secara keseluruhannya, pihak pengajur berpendapat bahawa objektif kursus ini telah tercapai berdasarkan kepada beberapa komen positif daripada peserta yang menyatakan kursus ini memuaskan dan sangat berguna kepada mereka.

Disediakan oleh : Siti Nurulhuda Binti Ahmad Tarmidzi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



Sesi Bergambar bersama Encik Mohd Jinis bin Abdullah, Ketua Seksyen Silvikultur, Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bagi Mini-Lab Pemantapan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Bawah Program Restorasi, Tebus Guna Dan Pemulihan Kawasan Hutan Terosot Di Semenanjung Malaysia Bagi Zon Tanah Tinggi



Aktiviti penyelenggaraan di Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands, Pahang



Aktiviti menabung di Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands, Pahang



Sesi Amali di Tapak Semaian Hutan Simpan Terla B, Cameron Highlands, Pahang

KEMPEN KESEDARAN PERHUTANAN SOSIAL BAGI TAHUN 2017

Disediakan oleh : Debora Belawan / Nurulhaida binti Ibrahim
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan

KUALA LUMPUR, 28 OKTOBER 2017

Perhutanan sosial merupakan salah satu inisiatif Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia di dalam mentransformasikan sektor perhutanan selaras dengan konsep Forest Beyond Timbers. Perhutanan sosial di Malaysia didefinisikan sebagai penglibatan orang asal dan komuniti setempat atas inisiatif sendiri atau dengan kerjasama pihak berkepentingan dalam pengurusan hutan demi kelangsungan hidup dari aspek sosial, ekonomi, budaya dan alam sekitar. Perhutanan sosial memainkan peranan yang penting dalam

pemeliharaan hutan khususnya kawasan-kawasan hutan terosot dan usaha-usaha pemeliharaannya daripada pencerobohan kawasan hutan selain meningkatkan sosio-ekonomi masyarakat setempat.

Beberapa inisiatif telah dilaksanakan bagi memastikan pelaksanaan perhutanan sosial di Semenanjung Malaysia boleh setanding dengan negara-negara lain. Program kempen kesedaran awam merupakan salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh jabatan. Kempen

Kesedaran Perhutanan Sosial bertujuan untuk memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli dan masyarakat setempat mengenai kepentingan hutan dalam kehidupan sehari-hari di samping peraturan dan undang-undang bagi mengawal sumber hutan sedia ada serta memberi pendedahan mengenai peranan masing-masing dalam menangani aktiviti penerokaan dan pencerobohan hutan. Bagi tahun 2017, Kempen Kesedaran Perhutanan Sosial telah dilaksanakan di 4 buah negeri seperti senarai di bawah :

BIL.	NEGERI	TARIKH	JPN	TEMPAT DILAKSANAKAN	KOMUNITI YANG TERLIBAT
1	Perlis	28 Oktober 2017	JPN Perlis	Pusat Ekopelancongan Gua Kelam, Negeri Perlis	Penduduk kampung yang tinggal berdekatan dengan Pusat Ekopelancongan Gua Kelam
2	Pahang	2 November 2017	JPN Pahang	Kampung Gumum, Tasik Chini, Pahang	Orang Asli yang tinggal berdekatan dengan Rizab Biosfera Tasik Chini
3	Selangor	27-29 November 2017	JPN Selangor	Homestay Sungai Sireh, Selangor	Jabatan/agensi kerajaan negeri Selangor, NGO dan komuniti setempat
4	Negeri Sembilan	14 Disember 2017	JPN Negeri Sembilan	Balairaya Kampung Orang Asli Kampung Charik, Kampung Bari dan Kampung Kelapi, Kuala Pilah, Negeri Sembilan	Orang Asli daripada Kampung Charik, Kampung Bari, Kampung Kelapi dan jabatan/agensi kerajaan



Program Kempen Perhutanan Sosial di Negeri Perlis



Kempen Kesedaran Perhutanan Sosial Di Negeri Pahang



Program Road Show Perhutanan Sosial Di Selangor



Program Perhutanan Sosial Di Negeri Sembilan

PROGRAM PERJUMPAAN PUSPANITA JABATAN PERHUTANAN PERINGKAT SEMENANJUNG MALAYSIA BERSEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI KE-37 TAHUN 2017

Disediakan Oleh: Rafizah binti Minhat,
PUSPANITA JPSM



Aktiviti lawatan kebajikan ke Dungun bagi melawat Puan Norihan binti Kassim yang menghidap kanser payudara.



Para peserta telah dibawa ke Pusat Kraftangan Chendering bagi mempelajari teknik mewarna panel batik.



Pada sebelah malam, peserta menikmati makan malam di TH Hotel & Convention Centre Terengganu.



Para peserta bersama komuniti setempat di Perkampungan Orang Asli Sungai Sayap, Besut.

KUALA TERENGGANU, 28 OKTOBER 2017

Program Perjumpaan PUSPANITA Jabatan Perhutanan Peringkat Semenanjung Malaysia ini merupakan program yang telah disusun bersempena dengan Persidangan Pengarah-Pengarah Perhutanan Negeri (PPN) Ke-37 Tahun 2017 yang diadakan di Kuala Terengganu bermula pada 28 Oktober 2017 sehingga 1 November 2017. Objektif program ini adalah untuk menjadi satu platform bagi mengeratkan hubungan silaturahim, berkongsi ilmu pengetahuan, pandangan dan pengalaman di antara PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia bersama-sama dengan PUSPANITA peringkat Jabatan Perhutanan Negeri melalui pelbagai aktiviti yang telah disusun.

Seramai 20 orang ahli PUSPANITA termasuk anak-anak Pengerusi PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri telah menyertai program ini. Pelbagai aktiviti berfaedah dan menarik telah diadakan antaranya adalah lawatan kebajikan ke Dungun bagi melawat Puan Norihan binti Kassim yang menghidap kanser payudara. Beliau adalah isteri kepada Encik Muhammad bin Idris yang bertugas sebagai pembantu awam di Pejabat Hutan Daerah Terengganu Selatan dan akan bersara pada Januari 2018. Program seterusnya adalah lawatan ke Pusat Kraftangan Chendering bagi mempelajari teknik mewarna panel batik, aktiviti Communication, Education & Public Awareness (CEPA) penanaman pokok karas dan mengecat surau di Perkampungan Orang Asli Sungai Sayap, Besut, aktiviti sukaneka bersama ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu di Hutan Lipur Lata Tembakkah, lawatan ke Taman Tamadun Islam dan Masjid Kristal Terengganu sambil menaiki "River Cruise" serta aktiviti bebas membeli belah di Pasar Payang. Aktiviti diteruskan lagi dengan acara perlawanan bowling di "Paya Bunga Square" antara Pengurus-Pengurus PUSPANITA Negeri dan ahli PUSPANITA Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu. Acara penyampaian hadiah dijalankan diikuti dengan ucapan penutup daripada Datin Siti Hajal binti Ahmad, Pengurus PUSPANITA Negeri Terengganu selaku tuan rumah.

PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37

Disediakan oleh : Nor Najwa binti Abdullah
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

KUALA TERENGGANU, 29 HINGGA 30 OKTOBER 2017

Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia diadakan pada setiap tahun dan dihoskan secara bergilir-gilir di antara negeri di Semenanjung Malaysia. Tahun ini Negeri Terengganu telah terpilih sebagai hos bagi persidangan ini. Persidangan Pengaroh-Pengaroh Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 ini telah diadakan di TH Hotel & Conventional Centre, Terengganu. Persidangan ini dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin Bin Mahmud, Ketua Pengaroh Perhutanan Semenanjung Malaysia.



Sesi bergambar peserta persidangan bersama Y.Bhg Dato' KPPSM

PROGRAM KEMPEN FOREST GUARDIAN DAN PROGRAM PENANAMAN POKOK BERSAMA BAHAGIAN PENGUATKUASAAN HUTAN JPSM, SEK.MEN. SAINS GUA MUSANG SERTA JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG (JPNP) DI HS BUKIT BUJANG, CAMERON HIGHLANDS

Disediakan oleh: Edevaldo J. Yapp
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang



Pelajar SM Sains Gua Musang bergambar bersama kakitangan Jabatan Perhutanan Negeri Pahang sempena program CEPA

CAMERON HIGHLANDS, 29 OKTOBER 2017

Jabatan Perhutanan Negeri Pahang bersama Bahagian Penguatuasaan Hutan JPSM, Sek.Men.Sains Gua Musang telah menjayakan satu program penanaman pokok di Hutan Simpan Bukit Bujang, Daerah Cameron Highlands. Seluas 0.5 hektar telah berjaya ditanam dengan sebanyak 300 pokok dari spesies Meranti Bukit (Shorea platyclados). Seramai 90 orang pelajar bersama lebih kurang 30 orang kakitangan dari Pejabat

Hutan Daerah Cameron Highlands, Pejabat Pembangunan Hutan Pahang Barat dan Bahagian Penguatuasaan Hutan Zon Pahang Barat telah terlibat secara langsung dalam menjayakan program tersebut. Program ini merupakan sebahagian dari Program Penghijauan Cameron Highlands, juga sebagai program CEPA iaitu communication, education, and public awareness yang melibatkan orang awam secara langsung

dalam usaha pemulihan kawasan berhutan terutamanya bagi kawasan Hutan Simpanan kekal (HSK) di daerah Cameron highlands serta memberi kesedaran tentang kepentingan menjaga alam sekitar.

LAWATAN KERJA KE LADANG KARAS HUTAN SIMPAN MERCHANT, TERENGGANU SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37

Disediakan oleh : Affeeefah Amanee binti Che Ahamed
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



Lawatan ke Ladang Karas, Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu



KUALA NERUS, 31 OKTOBER 2017

Lawatan kerja Persidangan Pengarap-pengarap Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 pada kali ini diadakan di Ladang Karas Kompartmen 20, Hutan Simpan Merchant Terengganu Utara, Terengganu seluas lebih kurang 47 hektar. Lawatan ini diketuai oleh Y.Bhg. Dato' Roslan bin Ariffin, Timbalan Ketua Pengarap Perhutanan Semenanjung Malaysia (Dasar & Perancangan). Ladang karas ini terletak pada ketinggian kira-kira 50 meter dari aras laut dan jarak perjalanan dari Kuala Terengganu adalah 48 kilometer.



Aktiviti yang dijalankan semasa lawatan ini adalah taklimat inokulasi oleh syarikat-syarikat yang memajak pokok karas di Hutan Simpan Merchant ini dan program penanaman pokok buah-buahan di sekitar kawasan ladang tersebut.

YBhg. Dato' Hj Roslan bin Ariffin menunjukkan gaharu yang mula terbentuk dalam teras kayu Pokok Karas.

PROGRAM RESTORASI, TEBUS GUNA DAN PEMULIHAN HUTAN TEROSOT SERTA LAWATAN KE POKOK CHENGAL BESAR SEMPENA PERSIDANGAN PENGARAH-PENGARAH PERHUTANAN NEGERI SEMENANJUNG MALAYSIA KE-37

Disediakan oleh : Afeefah Amanee binti Che Ahamed
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

DUNGUN, 1 NOVEMBER 2017

Sempena Persidangan Pengarah-pengarah Perhutanan Negeri Semenanjung Malaysia Ke-37 telah diadakan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Hutan Terosot serta lawatan ke pokok Chengal Besar. Program restorasi, tebus guna dan pemulihan hutan terosot ini melibatkan penanaman anak pokok pelbagai spesies seperti chengal, merawan, meranti, balau, keruing, damar hitam dan keladan sebanyak 160 pokok semuanya. Kesemua spesies ini di tanam di kawasan lapang sebelum laluan masuk ke kawasan Chengal Besar.

Manakala kawasan pokok Chengal Besar pula terletak di Kompartmen 5, Hutan Simpan Pasir Raja yang berkeluasan 235.00 hektar. Keseluruhan perjalanan ke Chengal Besar ini dari Pejabat Renj Durian Mas adalah sejauh 15 kilometer. Pada tahun 2000 pokok Chengal ini telah diisytiharkan sebagai juara di dalam pertandingan pokok besar dan telah direkod dan didaftar dalam dokumen senarai pokok terbesar oleh Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia dan dipelihara sebagai pokok warisan untuk generasi akan datang. Pada tahun 2001 pokok Chengal ini telah diiktiraf oleh The Malaysian Book Of Records sebagai pokok terbesar di Semenanjung Malaysia dan di dokument dalam edisi ketiga "The Malaysian Book Of Records".



Keindahan dan anugerah yang tidak ternilai dari Sang Pencipta Alam



Wajah kegembiraan peserta-peserta yang tiba di Pokok Chengal Besar



Peserta sedang melaksanakan Program Restorasi, Tebus Guna dan Pemulihan Hutan Terosot.

PROGRAM JOM SIHAT DAN CERGAS ANJURAN PUSPANITA NRE

Disediakan oleh : Afeefah Amanee binti Che Ahamed
Jabatan Perhutanan Negeri Terengganu

PUTRAJAYA, 3 NOVEMBER 2017

PUSPANITA NRE melalui Biro Sukan iaitu Jabatan Pengairan & Saliran (JPS) dan Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM) telah menganjurkan Program Jom Sihat dan Cergas PUSPANITA NRE yang diadakan pada 3 November 2017 bertempat di Dewan Baiduri Wisma Sumber Asli, Putrajaya. Antara agenda program ini adalah Ceramah Kesihatan Pemakanan Sihat dan Pertandingan Senamrobik. PUSPANITA JPSM telah menghantar satu pasukan seramai 6 orang peserta sebagai wakil jabatan.

Peserta dikehendaki membuat persembahan selama 8 hingga 10 minit dengan membuat 6 pergerakan wajib iaitu marching, lunges, side tap, step touch, knee lift dan jumping. Manakala dari aspek pemarkahan pula sebanyak 30 markah akan diberikan oleh Hakim Artistik dan sebanyak 70 markah adalah daripada Hakim Execution dan pergerakan wajib dengan mengambil kira aspek pergerakan peserta, pergerakan tidak berulang, ekspresi dan mimik muka, kreativiti, formasi, keseragaman, kemahiran peserta, perubahan rutin setiap sudut serta pergerakan pembukaan



Peserta Pasukan JPSM

dan penutup. Seramai 6 pasukan telah menyertai pertandingan ini iaitu Kementerian Sumber Asli & Alam Sekitar (NRE), Jabatan Pengairan & Saliran (JPS), Institut Penyelidikan Hidraulik Kebangsaan Malaysia (NAHRIM), Jabatan Alam Sekitar (JAS), PERHILITAN dan JPSM.



Pasukan JPSM sedang membuat persembahan

TINJAUAN EKOPELANCONGAN JPSM KE KAWASAN KONSERVASI LEMBAH DANUM (LDCA), SABAH PADA 10 – 13 NOVEMBER 2017

LAHAD DATU, 10-13 NOVEMBER 2017

JPSM telah mengadakan satu tinjauan ekopelancongan di Kawasan Konservasi Lembah Danum, Sabah di mana delegasi seramai 22 orang diketuai oleh YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud, Ketua Pengarah Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia.

Ketibaan delegasi ini disambut mesra oleh YBrs. En. Jurimin @ Janius Ebin, Pegawai Perhutanan Daerah Lahad Datu di Lapangan Terbang Lahad Datu. Delegasi di bawa ke Gunung Silam yang berketinggian 884 meter daripada aras laut bagi menikmati pemandangan matahari terbenam dari Menara Kayangan.

Pada hari kedua tinjauan, delegasi membuat lawatan ke pejabat, tapak semaihan dan tapak tanaman Innoprise-Face Foundation Rainforest Rehabilitation Project (INFAPRO) yang telah berjaya memulihara hutan terganggu yang menjadi kawasan pemampang bagi Lembah Danum yang berkeluasan dianggarkan lebih 11,285 hektar. YBhg. Dato' Hj. Nor Akhirrudin bin Mahmud dan YBhg. Dato' Roslan bin Ariffin masing-

masing tidak melepaskan peluang untuk membeli dua (2) anak pokok yang akan ditanam di kawasan seliaan INFAPRO yang mana perkembangan tumbesaran anak pokok ini akan dimaklumkan dari masa ke sama kepada pembeli, selain nama pembeli akan dipaparkan pada pokok berkenaan.

Seterusnya delegasi bergerak ke Kawasan Konservasi Lembah Danum (LDCA) dan sejurus tiba, delegasi diberi taklimat oleh Pengurus LDCA, YBrs. En. Jikos Gidiman dan delegasi turut dibawa melawat di sekitar kompleks LDCA. Pada waktu malam, delegasi dibahagikan kepada dua (2) kumpulan bagi aktiviti Night Walk dan Night Drive bagi memerhati hidupan liar yang terdapat di sekitar LDCA.

Pada hari ketiga tinjauan, delegasi menjalani aktiviti memerhati matahari terbit diikuti dengan aktiviti merentis Coffin Trail sejauh 1.4km (Sehala). Keunikan yang terdapat di Coffin Trail adalah kerana terdapatnya beberapa buah keranda di dalam gua yang diperbuat daripada kayu belian (*Eusideroxylon zwangeri*)

Disediakan oleh : Shahril bin Mohamad
Bahagian Forest Eco-Park & Hutan Taman Negeri, IPJPSM

yang digunakan oleh Orang Sungai yang menetap di Lembah Danum kira-kira 400 tahun dahulu.

Pada waktu petang, sekali lagi delegasi dipecahkan kepada dua (2) kumpulan yang mana satu kumpulan akan diketuai oleh YBhg. Dato' KPPSM untuk ke Borneo Forest Lodge (BFG) bagi mempelajari konsep pembangunan dan pengurusan BFG secara lebih terperinci manakala kumpulan kedua yang diketuai oleh YBhg. Dato' Dr. Mohd Hizamri bin Mohd Yasin menjalani aktiviti merentis denai ke Air Terjun Tembaling yang mengambil masa 1 hingga 2 jam perjalanan dari kompleks LDCA.

Hasil tinjauan ekopelancongan ke LDCA pada kali ini diharap dapat menjadi pemangkin kepada sektor ekopelancongan hutan di bawah seliaan JPSM terutamanya dari segi pelaksanaan dan pengurusan taman eko-rimba dan hutan taman negeri selain pemuliharaan hutan terganggu yang terancang dan berkesan.

EKSPEDISI SAINTIFIK KEPELBAGAIAN BIOLOGI HUTAN LEMBAH JEMALOI, HUTAN SIMPAN KENABOI, JELEBU, NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Badrol Hisam Bin Abdul Rahman, Arifhadi Bin Johari Affandi
Bahagian Silvikultur dan Pemeliharaan Biologi Hutan, IPJPSM



JELEBU, NEGERI SEMBILAN, 29 OKTOBER–3 NOVEMBER 2017

Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia (JPSM) dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan telah berjaya menganjurkan Ekspedisi Saintifik Kepelbagaian Biologi Hutan untuk kali ke 28 yang berlangsung selama enam (6) hari. Ekspedisi Saintifik ini diadakan di Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu, Negeri Sembilan.

Ekspedisi ini berobjektifkan untuk mengumpul, mendokumentasikan dan menjalankan kajian saintifik ke atas kepelbagaian biologi dan ekosistem yang terdapat di Hutan Simpan Kenaboi dan ianya juga diharapkan dapat membantu para penyelidik, pengurus persekitaran tempatan dan pembuat dasar khususnya pemegang taruh (stakeholders) di dalam membangun dan memelihara sumber-sumber khazanah alam semula jadi. Ekspedisi saintifik kali ini melibatkan seramai 86 orang peserta yang membentuk satu gandingan pintar. Gandingan pintar antara kakitangan JPSM serta penyelidik dari Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), Jabatan Perlindungan Hidupan

Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) serta Badan Bukan Kerajaan iaitu Tropical Rainforest Conservation and Research Centre (TRCRC) telah menjalankan kajian terhadap pelbagai aspek seperti aspek ekosistem hutan, kepelbagaian biologi flora dan fauna, ekologi dan rekreasi.

Ekspedisi kali ke tiga (3) yang diadakan di Negeri Sembilan ini telah berjaya merekodkan beberapa penemuan baru bagi Hutan Simpan Kenaboi, Jelebu, Negeri Sembilan ini. Sepanjang ekspedisi tersebut, para penyelidik dan peserta telah mengumpulkan sebanyak 9 spesies mamalia besar, 90 spesies burung, 15 spesies mamalia kecil dan 1 rekod baru iaitu Tikus Ambang Bulan, 12 spesies amphibia (4 rekod baru), 2 rekod baru bagi spesies agamid, 3 spesies ular, 11 spesies labah-labah, 20 spesies lumut, 30 spesies daripada 18 famili paku pakis, 204 spesies pepanjat, 113 spesies tumbuhan bawah kanopi dapat dikutip manakala 207 spesies pokok telah dijumpai. Antaranya terdapat 3 spesies yang belum direkod dan satu spesies disyaki baru.

JPSM adalah amat komited dalam pengaturan Ekspedisi Saintifik

Kepelbagaian Biologi Hutan yang bertujuan untuk meneroka, mengkaji dan mendokumentasikan maklumat kepelbagaian biologi yang terdapat dalam kawasan HS Kenaboi. Malaysian Book Of Records”.



Tn. Hj. Mohd Ridzuwan B. Endot dari Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia sedang mengutip data mengenai kajian flora.

PROGRAM “CAKNE AQEELAH TRAIL 2017 (CAT’17)” GUNUNG DATUK

Disediakan oleh: Mohd Shahril bin Haji Abd Rashid
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan



Demimu Aqeelah

REMBAU, 2 DISEMBER 2017

CAKNE Aqeelah Trail 2017 (CAT ’17) adalah suatu acara pendakian amal yang julung kali dianjurkan oleh Persatuan Sokongan Kanser Kanak-Kanak PPUKM (CAKNE) dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sembilan dan Jabatan Perhutanan Negeri, Negeri Sembilan.

Di antara objektif utama program ini dianjurkan adalah untuk meningkatkan kesedaran masyarakat tentang isu kanser kanak-kanak di Malaysia, di samping dapat mengumpulkan sedikit dana bagi tujuan menyalurkan bantuan kepada keluarga pesakit. Selain itu juga, dengan pengarjuran program seperti ini dapat menggalakkan gaya hidup sihat kepada para pendaki seterusnya dapat memberi motivasi dan galakan kepada pesakit-pesakit kanser yang lain.

Cetusan idea bagi menganjurkan CAT ’17 ini juga adalah daripada kisah adik Nurul Aqeelah binti Yaarop (21 tahun) telah kembali ke Rahmatullah pada 6 Disember 2016 setelah berjuang habis-habisan sejak mula disahkan menghidapi Leukemia semasa berumur 5 tahun. Dalam tempoh hampir 17 tahun tempoh perjuangannya menentang kanser tersebut, Allahyarhamah Aqeelah masih mampu MENDAKI GUNUNG DATUK SEBANYAK 14 KALI!



Pasukan JPSM sedang membuat persembahan



Perjalanan yang penuh mencabar

Seramai 120 orang peserta telah menyertai program ini termasuk sukarelawan serta keluarga pesakit kanser kanak-kanak daripada seluruh Malaysia. Selain itu juga, terdapat tiga (3) orang kanak-kanak yang merupakan pesakit kanser yang sedang berjuang untuk meneruskan kehidupan bagi melawan kanser turut berjaya sampai ke puncak Gunung Datuk.

Program ini juga turut mendapat kerjasama sepenuhnya daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Negeri Sembilan (Unit STORM) serta Angkatan Pertahanan Awam Malaysia Daerah Rembau.

PROGRAM “CHARITY HIKE V 3.0”

Disediakan oleh: Mohd Zaid bin Baharom
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 2 DISEMBER 2017

Program ini merupakan satu program amal yang dinamakan “Charity Hike V3.0” yang dianjurkan oleh beberapa Persatuan Pendaki dengan kerjasama Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan pada bertempat di Gunung Angsi. Tujuan utama program ini dianjurkan adalah untuk membantu Pusat Tahfiz Ibnu Razak di Jempol bagi mengumpul dana dalam sebarang aktiviti di pusat tahfiz tersebut. Jumlah peserta yang menyertai program ini adalah seramai serratus orang termasuk urusetia.



KURSUS PENGENDALIAN MOTOSIKAL JENIS MOTOCROSS UNTUK PENGUATKUASAAN HUTAN, JABATAN PERHUTANAN NEGERI PAHANG 2017

Disediakan oleh : Haffiz Baharuddin, Penolong Pengarah (Latihan Perhutanan)
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 4-6 DISEMBER 2017

Penggunaan kenderaan lasak pacuan 4x4 adalah sinonim dengan tugas Jabatan Perhutanan kerana ianya adalah kenderaan yang amat sesuai untuk membawa kakitangan meredah mukabumi hutan yang tidak rata dan mencabar. Namun begitu, tidak semua kawasan hutan sesuai dilalui oleh kenderaan pacuan 4x4 ini dan diantara contohnya adalah laluan yang sempit, kecerunan tinggi, di celah-celah pokok besar dan sebagainya. Memandangkan masalah seperti ini perlu diatasi, Jabatan telah mengambil pendekatan menggunakan kenderaan alternatif iaitu motosikal lasak jenis motocross kerana ianya terbukti dapat melalui kawasan yang tidak boleh digunakan oleh pacuan 4x4. Sebanyak 7 buah motocross telah diperolehi dimana 3 daripadanya di letakkan di Pejabat Hutan Daerah (PHD) Cameron Highlands, 2 di PHD Raub dan 2 di PHD Bentong bersesuaian dengan keadaan mukabuminya yang banyak berbukit buku.

Bagi memantapkan keupayaan kakitangan di dalam pengendalian motosikal motocross ini, Unit Latihan dengan kerjasama Unit Penguatkuasaan telah mengadakan satu kursus khas pada 4 hingga 6 Disember 2017 bertempat di Pusat Latihan Perhutanan Pahang. Seramai 30 orang peserta daripada Unit Penguatkuasaan Pahang Timur dan Barat, 8 Pejabat Hutan Daerah telah terpilih dan dibimbing oleh pihak

konsultan yang pakar dalam bidang pengendalian motocross secara berkesan dan selamat. Selama 3 hari peserta kursus telah didedahkan tentang ilmu berkaitan komponen motocross, kaedah pengendalian, keselamatan, penyelenggaraan, amali pembiasaan motocross secara on road dan off road. Ilmu dan kemahiran peserta juga telah diuji apabila dikehendaki menunggang motocross di bekas kawasan pengusahaan hutan yang berbukit dan mempunyai permukaan jalan yang rosak supaya dapat merasai sendiri cabaran sebenar semasa bekerja.

Kursus ini bukan sahaja dapat membentuk kakitangan Jabatan yang berkebolehan mengendalikan motocross di kawasan hutan malahan berkebolehan menghadapi situasi jika motosikal rosak di dalam hutan dan boleh menjadi mekanik segera untuk membaiki kerosakan tersebut. Jabatan amat berharap agar penggunaan motocross dengan kakitangan yang berkemahiran mengendalikannya dapat meningkatkan keupayaan dalam melaksanakan tugas lapangan seperti rondaan dan penguatkuasaan hutan sekaligus meningkatkan imej Jabatan di mata masyarakat.



Peserta diajar tentang pembiasaan pengendalian motosikal dan imbangan badan



Peserta sedang diuji tentang kemahiran menukar tayar jika berlaku kebocoran semasa menjalankan tugas



Peserta kursus yang berjaya menamatkan kursus pengendalian motocross

KURSUS PEMANTAPAN PEMANDUAN PACUAN EMPAT RODA (4X4)

Disediakan oleh: Mohamad Lizam bin Awang
Jabatan Perhutanan Negeri Johor

SEGAMAT, 7 DISEMBER 2017



Para Peserta Kursus Pemantapan Pemanduan Pacuan Empat Roda (4x4) bergambar kenangan bersama pengajar Maktab Teknik PDRM Muar

Program Kursus Pemantapan Pemanduan Pacuan Empat Roda (4x4) anjuran Jabatan Perhutanan Negeri Johor dengan kerjasama daripada Maktab Teknik Polis Di Raja Malaysia (PDRM) Muar, Johor telah dijalankan dengan jayanya selama tiga (3) hari bermula 5 Disember 2017 hingga 7 Disember 2017 bertempat di Hutan Simpan Lesong, Rompin, Pahang. Kursus ini telah dihadiri seramai 22 orang peserta yang terdiri daripada kakitangan jabatan iaitu Pemandu Tetap dan juga Pemandu Sementara. Matlamat kursus ini adalah untuk meningkatkan pengetahuan kemahiran dan kecekapan pemanduan dalam mengendalikan kenderaan pancuan empat roda (4x4) dengan kaedah dan teknik yang betul dikalangan kakitangan pemandu jabatan.

MESYUARAT PASUKAN PETUGAS KHAS JAWATANKUASA OPERASI MENANAM POKOK BAKAU DAN SPESIES-SPESIES YANG SESUAI DI PESISIRAN PANTAI NEGARA 2017

Disediakan oleh : Khairunnisa binti M. Mamat
Bahagian Ladang Hutan dan Perlindungan Hutan

PUTRAJAYA, 7 DISEMBER 2017

Mesyuarat Pasukan Petugas Khas Operasi Menanam Pokok Bakau dan Spesies- spesies Yang Sesuai Di Pesisiran Pantai Negara bagi tahun 2017 telah diadakan pada

7 Disember 2017 di Wisma Sumber Asli, Presint 4, Putrajaya. Mesyuarat telah dipengerusikan oleh YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad, Ketua Setiausaha Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar. Fungsi mesyuarat ini adalah untuk mengawalselia dan meninjau kemajuan pelaksanaan program penanaman pokok- pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai serta menyediakan laporan lengkap kepada Menteri mengenai status program penanaman pokok bakau dan spesies-spesies yang sesuai di persisiran pantai di Malaysia khususnya berkaitan dengan pelaksanaannya.



YBhg. Dato' Sri Azizan bin Ahmad mempengerusikan Mesyuarat



MAJLIS IKRAR BEBAS RASUAH (IBR) DI JABATAN PERHUTANAN NEGERI-NEGERI

Disediakan Oleh : Mohd Fouzi Bin Abdul Hamid
Unit Integriti Perhutanan [UIP], IPJPSM

MELAKA, 8 DISEMBER 2017

Ikrar Bebas Rasuah (IBR) ini merupakan satu inisiatif baharu yang diperkenalkan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) hasil cetusan idea oleh Ketua Pesuruhjaya SPRM sendiri, Datuk Dzulkifli Ahmad. IBR ini memberi penekanan kepada ikrar dan janji yang dibuat oleh para kepimpinan organisasi dan warganya secara sukarela atas kapasiti sebagai individu untuk memastikan setiap individu yang menandatangani ikrar tersebut akan lebih bertanggungjawab dalam melaksanakan tugas mereka dan menjauhkan diri daripada sebarang perlakuan rasuah selama mereka memegang jawatan tersebut.

Objektif IBR ini adalah bagi memastikan setiap individu pemimpin dan organisasi akan lebih bertanggungjawab dalam menjalankan tugas dan memastikan bahawa usaha membanteras rasuah ini adalah tanggungjawab bersama sepanjang mereka memegang jawatan tersebut.

Bagi menyahut saranan tersebut, Jabatan Perhutanan Negeri-negeri telah mengadakan Majlis Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di peringkat negeri. Bagi tempoh bulan Sept - Disember 2017, sebanyak 5 buah negeri telah mengadakan majlis tersebut seperti senarai dibawah manakala negeri-negeri lain telah melaksanakan majlis tersebut pada bulan-bulan yang lepas.

Bil	Nama Jabatan	Tarikh
1	Jabatan Perhutanan Negeri Perak	9 Sept 2017
2	Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan	20 Okt 2017
3	Jabatan Perhutanan Negeri Perlis	26 Okt 2017
4	Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang	6 Dis 2017
5	Jabatan Perhutanan Negeri Melaka	8 Dis 2017

Bacaan Ikrar dan menandatangani IBR ini diketuai oleh Pengarah Perhutanan Negeri dan pegawai-pegawai kanan jabatan dengan disaksikan oleh Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) negeri berkenaan.

Bagi peringkat Ibu Pejabat Jabatan Perhutanan Semenanjung Malaysia, majlis ini telah diadakan pada 21 April 2017 yang lalu bertempat di Dewan Alwy, Bahagian Latihan Perhutanan, Kepong



Majlis Menandatangani dan Penyerahan Dokumen Ikrar Bebas Rasuah (IBR) di ketuai Oleh En. Rusli Bin Tahir, Pengarah Jabatan Perhutanan Negeri Pulau Pinang pada 6 Disember 2017



En Salim Bin Aman, Pengarah Perhutanan Negeri Sembilan mengetuai bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan pada 10 Oktober 2017



YBhg. Dato' Mohamad Zin Bin Yusof, Pengarah Perhutanan Negeri Perak dan Timbalan –timbalan Pengarah Perhutanan Negeri Perak bersama Pengarah Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM) Perak di Majlis Lafaz Ikrar Bebas Rasuah Jabatan Perhutanan Negeri Perak



Majlis Penyerahan Dokumen Ikrar Bebas Rasuah (IBR) kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Perak



YBhg. Dato' Mohamad Zin Bin Yusof, Pengarah Perhutanan Negeri Perak menggetuai bacaan Ikrar Bebas Rasuah (IBR) Jabatan Perhutanan Negeri Perak pada 5 September 2017

PROGRAM PERHUTANAN SOSIAL DAN KEMPEN KESEDARAN KEPADA MASYARAKAT ORANG ASLI DI NEGERI SEMBILAN

Disediakan oleh: Mohd Zaid bin Baharom
Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan

KUALA PILAH, 14 DISEMBER 2017



Jabatan Perhutanan Negeri Sembilan dengan kerjasama Jabatan Kemajuan Orang Asli Negeri Sembilan telah menganjurkan Program Perhutanan Sosial dan Kempen Kesedaran kepada Masyarakat Orang Asli di Negeri Sembilan di Balairaya Kampung Orang Asli Kg. Bari, Kg. Charik, dan Kg. Kelapi. Program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada masyarakat Orang Asli yang tinggal di persekitaran mengenai kepentingan hutan di dalam kehidupan sehari-hari di samping peraturan dan undang-undang bagi mengawal sumber hutan sedia ada serta memberi pendedahan mengenai peranan masing-masing dalam menangani aktiviti penerokaan dan pencerobohan hutan. Program ini juga melibatkan penyerahan Permit Penggunaan bagi Ladang Hutan yang telah ditubuhkan di dalam kawasan Hutan Simpan Johol seluas lebih kurang 582.36 hektar dan Hutan Simpan Senaling Inas seluas lebih kurang 200.85 hektar. Program ini telah dirasmikan oleh Yang Berhormat Tuan Haji Abu Samah bin Mahat, Ahli Dewan Undangan Negeri Johol.

HARI KELUARGA PERINGKAT PEJABAT HUTAN DAERAH KUANTAN/PEKAN/MARAN

Disediakan oleh: Edevaldo J. Yapp
Jabatan Perhutanan Negeri Pahang

KUANTAN, 16 DISEMBER 2017



Para peserta bergambar dengan Pegawai Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran



Anak-anak kakitangan sedang mengikuti acara meniup belon sampai pecah



Salah satu acara sempena Hari Keluarga

Pejabat Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran telah menganjurkan program Hari Keluarga Peringkat Daerah di Pantai Kempadang, Kuantan. Program ini telah dimeriahkan oleh lebih 300 kakitangan bersama keluarga. Tujuan utama program Hari Keluarga ini diadakan adalah untuk mengeratkan silaturrahim dikalangan kakitangan PHD K/P/M disamping berkenalan dengan ahli keluarga masing-masing.

Pelbagai aktiviti dan acara sukan untuk dewasa dan kanak-kanak telah diatur seperti acara bowling kelapa, mengutip gula-gula, dart, bola sepak pelikat, cabutan bertuah dan lain-lain. Program yang bermula seawall jam 7.30 pagi dimulai dengan bacaan doa dan Ucapan Perasmian oleh Tuan Pegawai Hutan Daerah Kuantan/Pekan/Maran, En. Ismail Ali bin Kamarudeen dan berakhir pada jam 2.00 petang.

Pada program ini juga telah diadakan Majlis Perpisahan kepada Puan Norlaila binti Subari, Pen. Pegawai Hutan Daerah Kuantan yang telah bertukar ke Pejabat Hutan Daerah Temerloh/Bera berkuatkuasa 1 Disember 2017.

**JABATAN PERHUTANAN SEMENANJUNG MALAYSIA
FORESTRY DEPARTMENT PENINSULAR MALAYSIA**

Jalan Sultan Salahuddin, 50660 Kuala Lumpur

Tel: (6)03-2616 4488 Fax: (6)03-2692 5657

<http://www.forestry.gov.my>